



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 FEBRUARI 2024 (JUMAAT)

Kucing tertelan mata kail, suami isteri usaha cari dana pembedahan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	28	9 Feb

Kucing tertelan mata kail, suami isteri usaha cari dana pembedahan

TUMPAT - Tidak sanggup melihat penderitaan seekor kucing terbiar yang sakit selepas tertelan mata kail mendorong pasangan suami isteri mencari dana bagi membolehkan pembedahan dilakukan terhadap haiwan tersebut.

Ingin dikenali sebagai Pok Su Tumpat, 43, dan Nor, 32, mereka sebelum itu dimaklumkan oleh rakan yang memberitahu kucing betina tersebut telah terkena mata kail pancing pada bahagian kaki.

"Mengikut maklumat rakan, kucing terkena mata kail miliknya dan kejadian itu berlaku sejak seminggu lalu di kawasan kuala dekat Taman Tengku Anis, Pengkalan Kubor.

"Pada Selasa, saya telah



Kedudukan seekor kucing terbiar yang sakit selepas tertelan mata kail sebelum menjalani pembedahan di sebuah klinik haiwan di Kota Bharu pada petang Khamis.

berjumpa dengan kucing tersebut dan mendapati tali tangsi terlekat pada mulutnya. Saya kemudian bawa balik haiwan ke rumah untuk membantu dan hasil pemerhatian mendapati berkemungkinan besar kucing itu

sudah tertelan mata kail," katanya kepada pemberita pada Khamis.

Menurut Pok Su, dia terus membawa kucing tersebut ke klinik haiwan berdekatan untuk membuat pemeriksaan dan

mendapati mata kail sudah berada di dalam perut.

Ujarnya, dia kemudian memberitahu rakan berkait dengan kos rawatan berjumlah RM855 dan lelaki berkenaan memohon maaf tidak mampu untuk membayarnya walaupun Pok Su sedia berkongsi jumlah tersebut.

Pasangan itu mengakui hati mereka menjadi tidak keruan selepas memikirkan mata kail berada di dalam perut si bulus sebaik sahaja melihat hasil keputusan X-ray.

Tambah dia, melihat keadaan kucing yang makin lemah, dia dan isteri sepakat mohon bantuan dari Facebooker Amri Info Semasa Tumpat (Amri IST).

Pok Su memberitahu, tidak sampai beberapa jam, jumlah tersebut dapat dikumpulkan dan kucing tersebut menjalani

pembedahan di sebuah klinik haiwan di Kota Bharu pada petang Khamis.

"Alhamdulillah, doktor telah memasukkan air garam ke dalam tubuh kucing tersebut selepas ia kelihatan agak lemah.

"Doktor ada beritahu saya dan isteri pembedahan ini mempunyai risiko selepas melihat kepada keadaan kondisi kucing.

"Bagaimanapun, saya dan isteri berdoa semoga kucing itu selamat menjalani pembedahan dan dapat hidup seperti biasa," katanya.

Pok Su Tumpat memberitahu, dia dan isteri merakamkan ucapan terima kasih kepada Amri IST selaku pemudah cara serta semua penyumbang yang sudi membantu kucing jalanan itu menjalani pembedahan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR